

Strategi pembangunan cekap, dinamik Jentera tadbir diberi nafas baru—Abdullah

KUALA LUMPUR, Khamis — Jentera pentadbiran negara khususnya di peringkat negeri akan diberi nafas baru supaya strategi pembangunannya berjalan cekap dan dinamik.

Menteri Tak Berportfolio di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Haji Ahmad berkata, di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, pentadbiran negara akan ditumpukan kepada hubungan antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri.

Ini adalah amanat pertama beliau selepas mengambil alih tugas menteri dari Datuk Pengiran Othman Rauf di Jabatan Perdana Menteri, hari ini.

Datuk Abdullah berkata, pengawasan Kerajaan Pusat terhadap pentadbiran Kerajaan Negeri tidak bermaksud mengganggu pentadbiran di peringkat negeri.

"Meskipun Kerajaan-kerajaan

Negeri ada kuasa autonominya sendiri, tapi dalam banyak hal Kerajaan Pusat perlu bekerjasama dan mengetahui pentadbirannya.

"Itulah sebabnya diwujudkan pegawai-pegawai persekutuan bagi membantu menyelaras dan melaksanakan projek pembangunan di negeri-negeri," katanya lagi.

Bellau yang sebelum ini Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, berkata Perdana Menteri telah memintanya membantu bellau membawa perubahan dalam jentera pentadbiran kerajaan di mana perlu.

"Dalam lain-lain perkataan, bentuk pentadbiran yang dikehendaki oleh Datuk Seri Dr. Mahathir ialah sebuah kerajaan yang cekap dan dinamik," ujarnya.

Selaras dengan perubahan baru itu, Perdana Menteri semalam mengarahkan menteri-menteri Kabinet memberi perhatian yang lebih berat mengenai pentadbiran di portfolio masing-masing.

Bagi mencapai maksud itu, tugasnya, para menteri perlu men-

dapat sokongan dan bantuan dari kakitangan yang bekerja cekap dan cemerlang.

Datuk Abdullah juga memberitahu, matalamat Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang perlu dicapai menjelang 1990 masih banyak lagi.

"Jika tempoh yang hendak dicapai begitu singkat, tidak ada cara lain yang boleh dibuat kecuali bekerja keras dan meningkatkan mutu perkhidmatan," jelasnya.

Menurut bellau, di samping meniggikan mutu kecekapan, mereka yang terlibat dalam jentera pentadbiran kerajaan dari peringkat bawah hingga atas harus insaf dan sedar akan kepentingan pencapaian matalamat DEB kepada Bumiputera.

Di bawah tugas barunya itu, Datuk Abdullah juga akan bertanggungjawab mengenai Unit Perancangan Ekonomi (EPU), Majlis Keselamatan Negara dan pentadbiran Kerajaan Pusat.

Bellau akan membantu Perdana Menteri menggerakkan jentera pentadbiran negara kecuali soal-soal dasar terulang kepada Datuk Seri Dr. Mahathir sendiri.